

'Umno hilang kewibawaan jika tunduk kepada ugutan?

BH 21 MAY 2001

SEREMBAN, Ahad - Umno tidak harus tunduk kepada ugutan ahlinya yang hendak keluar parti apabila tuntutan mereka tidak dilayan kerana ia boleh menjadi amalan yang sukar dibendung pada masa depan.

Naib Presidennya, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata jika Umno akur dan tunduk dengan tuntutan seumpama itu, ia akan menampakkan bahawa tidak wujudnya disiplin dalam parti.

"Lain kali, kalau dia tak dapat jadi apa-apa atau kita tak dapat penuhi kehendak dia, sama ada dia tak dapat kontrak atau jadi calon dan sebagainya, dia hendak menuntut keluar parti dan menyokong pihak lain... ini akan menjadi satu amalan tingkah laku yang sukar dibendung pada masa akan datang.

"Kerenah ahli seperti itu bukan saja merosakkan kekuatan parti, malah menjejaskan imej serta kelangsungan hidup parti pada masa hadapan," katanya ketika menyampaikan ucapan utama pada Kursus Isu Semasa anjuran Umno Bahagian

lihat sebagai tidak serius dalam tindakannya.

Sebelum ini, Datuk Abdullah Omar yang dilucutkan jawatan sebagai Ketua Umno Bahagian Muar dilaporkan berkata beliau mungkin keluar parti jika rayuannya berhubungan tuduhan menggunakan politik wang ditolak oleh MT.

Sehubungan itu, Najib meminta ahli Umno supaya menghentikan sindrom suka merajuk dan membuat ugutan keterlaluan apabila tuntutan serta kehendak mereka tidak dilayan oleh pucuk pimpinan.

Mengenai tindakan yang boleh diambil terhadap ahli yang membuat ugutan untuk keluar parti, beliau berkata, "perkara itu akan dibincangkan dalam mesyuarat MT.

Sementara itu, ketika ditanya pemberita mengenai masih wujud ke-longgaran perpaduan di kalangan ahli berikutan pertandingan pada peringkat bahagian yang berakhir bulan lalu, beliau berkata semua pihak harus menghormati keputusan ahli.

"Memang akan wujud kesan akibat adanya pemilihan. Kita tidak boleh menghalang pertandingan kerana akan dituduh tidak demokratik, sekalipun kita tahu ia boleh memberi kesan negatif.

"Oleh itu, yang kalah mesti boleh menerima pihak yang menang, manakala yang menang pula jangan pinggirkan pihak yang kalah," katanya.

Najib yang juga Menteri Pertahanan berkata, ketika ini Umno menggunakan pelbagai pendekatan untuk menarik golongan muda menyertai parti itu.

Katanya, selain pendekatan politik, Umno juga menggunakan pendekatan sosial bagi memenangi hati golongan itu.

"Kita dapati sambutan remaja menyertai Pute-ri Umno begitu menggalakkan dan saya juga difahamkan Pemuda bergerak aktif untuk menambah bilangan keahlian di kalangan belia," katanya.

Katanya, ibu pejabat parti berusaha untuk mengemaskini daftar keahlian dari semasa ke semasa.

Rasah, di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa Umno tidak akan tunduk kepada sebarang ugutan oleh ahlinya yang didapati bersalah oleh Lembaga Disiplin parti kerana terdabit dengan politik wang pada pemilihan Umno bahagian bulan lalu.

Dr Mahathir dilaporkan berkata, jika Majlis Tertinggi (MT) tunduk kepada ugutan itu, ia akan di-